



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL 3/99

PERMOHONAN PENYENARAIAN PROGRAM PROLUS/ATP KE DALAM SKIM PERLA DAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK KOS LATIHAN OLEH PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR DI BAWAH SKIM PERLA

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Penyedia Latihan yang berdaftar berkenaan beberapa perubahan yang telah dibuat ke atas borang-borang tuntutan di bawah Skim PERLA.

2. TAKRIF

- 2.1 Bagi pekeling ini, istilah-istilah berikut adalah bermaksud:-

Urusetia : Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang bertanggungjawab mentadbirkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Majikan : Majikan yang telah berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dan layak memohon geran latihan.

Penyedia Latihan : Penyedia Latihan yang berdaftar di bawah Skim PROLUS, Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

PERLA : Perjanjian Latihan di antara Penyedia Latihan dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

3. AM

- 3.1 Pekeliling ini juga diedarkan untuk makluman kepada semua majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Dari masa ke semasa, pihak Urusetia Majlis Pembangunan Sumber Manusia menerima permohonan daripada Penyedia Latihan untuk menyenaraikan program PROLUS/ATP mereka ke dalam Skim PERLA. Apabila

menimbangkan permohonan tersebut, pihak Urusetia mendapati masih terdapat Penyedia Latihan yang kurang faham terhadap prosedur penyenaiaan program PROLUS/ATP ke dalam Skim PERLA. Begitu juga apabila memproses dan menimbangkan tuntutan pembayaran balik kos latihan, pihak Urusetia menghadapi beberapa kesukaran dan kesulitan disebabkan tuntutan yang dikemukakan kurang lengkap atau tidak teratur dan tidak disertakan beberapa maklumat penting. Keadaan yang sedemikian menimbulkan masalah kepada Urusetia untuk menyejgerakan proses pembayaran balik tuntutan. Jika perkara ini berlaku secara berterusan, ianya akan menimbulkan masalah kepada pihak Urusetia, Majikan dan juga Penyedia Latihan itu sendiri.

- 4.2 Di bawah Skim PERLA, satu perjanjian latihan akan ditandatangani di antara Penyedia Latihan berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Di bawah Skim ini, majikan akan hanya membayar peratusan kecil daripada yuran yang diluluskan semasa mendaftarkan pekerja mereka untuk program latihan/kursus yang telah disenaraikan di bawah Skim PERLA tersebut.

5. PERMOHONAN MENYENARAIKAN PROGRAM PROLUS/ATP

- 5.1 Apabila mengemukakan permohonan program-program PROLUS untuk disenaraikan ke dalam Skim PERLA, Penyedia Latihan dikehendaki mengemukakan butir-butir berikut:- Surat permohonan. Penyedia latihan mestilah telah mempunyai dan menjalankan sekurang-kurangnya sepuluh (10) program PROLUS/ATP. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu, kelonggaran kepada keperluan ini boleh dipertimbangkan dari masa ke semasa oleh Ketua Pengarah. Penyedia latihan mestilah telah menjalankan 10% daripada program PROLUS/ATP. Bagi permohonan penambahan program PROLUS/ATP ke dalam Skim PERLA, ianya mestilah telah dikendalikan dua kali sebelum ini di bawah Skim PROLUS.

6. [MPSM/PER/1/99](#) - SENARAI SEMAKAN LEVI DI BAWAH SKIM PERLA

- 6.1 Borang MPSM/PER/1/99 memberi keistimewaan kepada Penyedia Latihan untuk menyemak terlebih dahulu dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia mengenai kedudukan baki levi setiap majikan yang mengambil bahagian untuk menjamin baki levi yang sedia ada dapat menampung yuran kursus yang akan dituntut kelak.

7. [MPSM/PER/2/99](#) - SENARAI KEHADIRAN

- 7.1 Borang MPSM/PER/2/99 adalah ringkasan kehadiran pelatih yang ditaja oleh syarikat yang perlu diisi dengan lengkap dan disahkan oleh Penyedia Latihan dalam 2 salinan. Satu salinan hendaklah diberi kepada majikan bagi membolehkan mereka menuntut lain-lain "kos yang dibenarkan", jika berkaitan. Satu salinan lagi hendaklah disertakan oleh Penyedia Latihan apabila mengemukakan tuntutan kepada Majlis untuk bayaran balik yuran latihan.

8. [MPSM/PER/T1/99](#) - BORANG TUNTUTAN DARI MAJIKAN

- 8.1 Penyedia latihan hendaklah mengagihkan borang tuntutan MPSM/PER/T1/99 kepada majikan bagi membolehkan mereka menuntut lain-lain "kos yang dibenarkan" yang merangkumi elaun harian pelatih, kos perjalanan udara dan bahan latihan guna habis, jika berkenaan.

9. [MPSM/PER/T2/99](#) - BORANG TUNTUTAN PEMBAYARAN YURAN LATIHAN DARI PENYEDIA LATIHAN

- 9.1 Untuk makluman Penyedia Latihan dan Majikan, borang MPSM/PER/1/94 dan MPSM/PER/T2/94 telah disatukan menjadi MPSM/PER/T2/99. Oleh yang demikian, Penyedia Latihan tidak perlu lagi mengemukakan MPSM/PER/1/94 kepada Urusetia Majlis.
- 9.2 Penyedia Latihan mestilah mengemukakan tuntutan-tuntutan bayaran yuran dengan menggunakan borang MPSM/PER/T2/99. Bahagian A borang tersebut hendaklah dilengkapi dan disahkan oleh majikan berkenaan terlebih dahulu. Apabila tamatnya latihan, Penyedia Latihan hendaklah melengkap dan mengesahkan Bahagian B. Borang tuntutan berkenaan kemudiannya hendaklah dikemukakan kepada Majlis Pembangunan Sumber Manusia bersama satu salinan MPSM/PER/1/99 yang disahkan serta satu salinan borang MPSM/PER/2/99 yang lengkap diisi dan disahkan.
- 9.3 Salinan borang senarai kehadiran MPSM/PER/2/99 yang lengkap diisi dan telah disahkan oleh Penyedia Latihan, mesti disertakan bagi setiap tuntutan.

10. BORANG-BORANG YANG DIPERLUKAN UNTUK TUJUAN TUNTUTAN

- 10.1 Apabila membuat tuntutan, Penyedia Latihan di bawah Skim PERLA hendaklah mengemukakan semua dokumen yang lengkap sekaligus seperti berikut:-

MPSM/PER/1/99 - Senarai Semakan Levi;

MPSM/PER/2/99 - Senarai Kehadiran (telah disahkan oleh Penyedia Latihan);

MPSM/PER/T2/99 - Borang Tuntutan Pembayaran Yuran Latihan Dari Penyedia Latihan; Salinan Inbois/Bil kepada majikan (jika majikan perlu membayar sebahagian daripada yuran latihan); dan Inbois/Bil kepada Urusetia Majlis bagi jumlah yuran yang hendak dituntut.

PERINGATAN: Sebarang tuntutan yang masih menggunakan borang-borang lama tidak akan dilayan selepas tarikh peraturan baru ini dikuatkuasakan.

10.2 Bagi program yang meliputi satu jangkamasa yang panjang, misalnya setahun atau lebih, tuntutan hanya boleh dikemukakan setelah tamatnya program berkenaan sepertimana diluluskan di bawah Skim PROLUS. Sungguhpun demikian, Penyedia Latihan adalah digalakkan menstrukturkan program latihan/kursus yang panjang kepada beberapa modul supaya tuntutan boleh dibuat apabila tamatnya sesuatu modul. Bagi tujuan tersebut, kelulusan Ketua Pengarah Majlis Pembangunan Sumber Manusia hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

11. PEMBAYARAN TUNTUTAN DITAHAN SEKIRANYA TERDAPAT TUNGGAKAN BAYARAN LEVI DAN FAEDAH ATAS TUNGGAKAN TIDAK BERBAYAR DARI MAJIKAN

11.1 Berdasarkan peruntukan Seksyen 6(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 (Pin. 96), pembayaran balik tuntutan geran latihan akan ditahan sekiranya terdapat tunggakan bayaran levi dan faedah tidak berbayar oleh pihak majikan. Oleh itu, walaupun Majlis telah mengesahkan bahawa baki levi majikan adalah mencukupi (melalui MPSM/PER/1/99), ini tidak menghalang Majlis dari menahan bayaran tuntutan sekiranya majikan mempunyai tunggakan levi atau faedah tidak berbayar pada masa tuntutan diproses untuk bayaran.

12. TANGGUNGJAWAB PENYEDIA LATIHAN

12.1 Selain daripada tanggungjawab Penyedia Latihan sepertimana yang terkandung dalam risalah Skim PERLA, setiap Penyedia Latihan yang berdaftar hendaklah bertindak secara profesional dengan penuh tanggungjawab dalam memberi khidmat kepada majikan. Urusetia Majlis telah menerima banyak rungutan dan maklumbalas daripada pihak majikan berdaftar tentang sesetengah Penyedia Latihan yang sewenang-wenangnya

memberi maklumat yang berlainan/bercanggah daripada yang diluluskan oleh Majlis. Urusetia Majlis memandang berat tentang tingkahlaku Penyedia Latihan berkenaan dan berharap perbuatan yang tidak diingini tersebut dihentikan dengan serta merta. Jika perbuatan ini diteruskan, ianya boleh menyebabkan pendaftaran Penyedia Latihan berkenaan dibatalkan.

13. PENUTUP

13.1 Urusetia Majlis berharap pihak Penyedia Latihan dapat memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan Skim PERLA di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

13.2 Pekeliling Penyedia Latihan Bil 3/99 berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1999. Pekeliling ini membatalkan Pekeliling Penyedia Latihan Bil 2/95.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIK BIN HASAN)

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Latihan
b/p Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

